

'Saya tak simpan dendam'

BH - 4/2/16 (Cm) (10)

» Ibu budak parah dirempuh anggap kejadian tidak disengajakan

Oleh Mohd Nazllie Zainul
bhnews@bh.com.my

► Kota Kinabalu

“**S**aya tidak menyimpan dendam kerana apa yang berlaku bukan disengajakan, sebaliknya ia dugaan besar terutama bagi wanita itu dan keluarganya yang kehilangan anak,” kata ibu kepada seorang kanak-kanak yang parah dirempuh kenderaan dipandu seorang wanita di sebuah TADIKA dekat Taman Seputih, Luyang, dekat sini, Isnin lalu.

Narsyatika Adira Puddin, 31, berkata wanita terbabit datang melawat anaknya, Mohd Fakhriy Fasyin Norman, 5, di Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Sabah di Likas, tengah hari semalam, bersama beberapa ahli keluarga.

“Melihat raut wajah sedihnya, saya tahu wanita itu begitu menyesal atas semua yang berlaku.

“Walaupun beliau tidak banyak bercakap, tetapi dia ada



Mohd Fakhriy Fasyin ditemani Narsyatika ketika menerima rawatan di Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Sabah di Likas, Kota Kinabalu, semalam.

[FOTO MOHD NAZLLIE ZAINUL/BH]

memohon maaf kepada saya dan keluarga serta ingin menghulurkan bantuan sepanjang Mohd Fakhriy menjalani rawatan,” katanya ketika ditemui di hospital berkenaan, semalam.

Terpijak pedal minyak

Dalam kejadian kira-kira jam 8.30 pagi Isnin lalu, Megan Wong Shi Ting, 4, maut dirempuh kenderaan ibunya selepas wanita itu dipercayai terpijak pedal minyak sebaik menurunkan mangsa di TADIKA berkenaan.

Turut cedera ialah Mohd Fakhriy dan seorang lagi murid tadika berkenaan, Siti Ami-

“Melihat raut wajah sedihnya, saya tahu wanita itu begitu menyesal atas semua yang berlaku”

Narsyatika Adira Puddin,
Ibu mangsa rempuh

ra Haqisyah Maennang Ambia, 6, dan guru mereka, Biby Valin Shammie, 25.

Mengulas keadaan Mohd Fakhriy, Narsyatika berkata, anak sulung daripada dua beradik itu yang patah tulang pinggul kini berada dalam keadaan stabil, namun masih trauma dan takut bertemu orang ramai termasuk menangis jika ditinggalkan sendirian.

“Doktor jangka anak saya dapat pulih sepenuhnya selepas enam bulan, selain perlu mengikuti terapi di hospital dari semasa ke semasa,” katanya yang bakal melahirkan anak ketiga tidak lama lagi.